

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[SIK]**

**TARIKH : 16 MAC 2016 [RABU]**

**SOALAN : 25**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah terdapat 'Task Force' yang diwujudkan untuk menangani fitnah dan propaganda jahat bagi meruntuhkan nilai-nilai murni serta kesejahteraan rakyat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya memandang serius terhadap penularan penyalahgunaan Internet terutama fitnah dan propaganda jahat di media sosial.

Malah kegiatan seumpama ini disifatkan sebagai **Persepsi Terorisme (Terrorism Perception)** yang hanya bertujuan memecahbelahkan

## SOALAN NO: 25

perpaduan, menggugat kestabilan politik dan ekonomi seterusnya meruntuhkan nilai-nilai murni serta keyakinan rakyat.

Kementerian ini bersama-sama Jabatan/Agensi dan kerjasama Kementerian serta Jabatan lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara mempunyai mekanisme yang strategik dalam memantau dan mencegah kegiatan persepsi *terorisme* ini melalui pelbagai cara termasuk program-program advokasi dan tindakan undang-undang.